

**Tiada kerajaan semurah hati BN, kata Nazri**  
**Malaysiakini.com**  
**March 21, 2011**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Nazri Abdul Aziz bersetuju dengan kelab penyokong BN bahawa "tidak ada kerajaan di dunia" yang semurah hati seperti BN yang membantu mangsa banjir di enam negeri.

Katanya, keputusan kerajaan persekutuan untuk menyumbangkan RM52 juta bantuan kepada mangsa di Johor, Melaka, Negri Sembilan, Pahang, Sabah dan Sarawak adalah bukti bahawa masalah rakyat adalah dekat pada hati pemimpin BN.

Benar, kerajaan BN sentiasa mengutamakan rakyat," kata Nazri semasa sesi soalan di Dewan Rakyat hari ini.

Dalam soalan tambahannya, Mohamad Aziz (BN-Sri Gading) berkata tidak ada kerajaan yang semurah hati selain BN.

Apabila menjawab soalan utama dari Lim Lip Eng (DAP-Segambut), Nazri berkata kerajaan telah membelanjakan RM27.9 juta bagi membantu menempatkan semula 90,000 mangsa banjir dan membekalkan mereka dengan keperluan harian.

Kerajaan juga membelanjakan RM24.9 juta dalam mengagihkan RM500 wang tunai kepada setiap keluarga yang terjejas dengan banjir antara hujung tahun 2010 dan awal 2011.